

**TEKS UCAPAN YANG BERBAHAGIA DATUK DR. GHAZALI BIN OTHMAN  
PENGARAH KESIHATAN NEGERI MELAKA**

**SEMPENA AMANAT TAHUN BARU 2015**

**TARIKH : 30 JANUARI 2015 (JUMAAT)**

**TEMPAT : AUDITORIUM BAIDURI HOSPITAL MELAKA.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Melaka Maju, Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 753 tahun.

Terima kasih diucapkan kepada Saudari Pengerusi Majlis;

1. Yang Berusaha Timbalan-Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Yang Dihormati Pengarah - pengarah Hospital, Pegawai-pegawai Kesihatan Daerah, Ketua-Ketua Jabatan Hospital Melaka, Pegawai-Pegawai Pergigian Daerah, Pakar-Pakar Perubatan, Pegawai-pegawai Perubatan seterusnya warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka yang saya kasihi sekalian.
2. Pertama sekali, marilah kita memanjat rasa syukur tidak terhingga ke hadirat Allah SWT atas perkenan-Nya kita dapat berhimpun dalam Majlis Perhimpunan Bulanan- Bulan Januari 2015 bagi Jabatan Kesihatan Negeri Melaka , yang juga dirangkum menjadi Majlis Amanat Tahun 2015. Ucapan terima kasih diucapkan kepada pihak

Hospital Melaka kerana sudi menjadi tuan rumah bagi Majlis Amanat pada tahun ini.

3. Terlebih dahulu, di kesempatan ini masih tidak lagi terlewat untuk saya mengucapkan Selamat Tahun Baru 2015 dan Salam Maulidur Rasul kepada semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Semoga segala usaha gigih dan kecekalan kita dalam mengharungi cabaran sepanjang tahun 2014 yang lalu, dapat menjadi pemangkin untuk kita terus berusaha dengan lebih gigih lagi pada tahun 2015 ini. Semoga dengan kehadiran tahun baru 2015 ini segala usaha kita dalam memberikan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat akan diberkati dan dikurniakan kekuatan mental dan fizikal serta kebijaksanaan bagi membolehkan kita memperolehi kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2015 ini. Bersama-samalah kita memperbaharui azam dan tekad serta mengukuhkan lagi semangat dan ikatan kekeluargaan yang telah sedia terjalin.
  
4. Kita juga haruslah memasang tekad untuk terus berusaha memartabatkan Perkhidmatan Awam secara amnya dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan negeri Melaka secara khususnya. Di samping itu, seluruh warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka harus mengekalkan prestasi dan meningkatkan iltizam untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan mesra kepada orang ramai selaras dengan matlamat murni kita iaitu Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan terutamanya kepada perkara-perkara yang menjadi petunjuk prestasi utama (KPI) Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

**YBhg. Datuk /Tuan-tuan dan puan-puan,**

5. Pada tahun 2014, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah berjaya menganjurkan beberapa aktiviti dengan kerjasama jitu dari semua pihak. Semangat kerja berpasukan serta komitmen harus dikekalkan. Antara aktiviti yang telah berjaya diadakan adalah :
- (a) Karnival Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia ke-28 di UiTM Lendu telah dilaksanakan pada bulan Mei 2014 yang mana JKNM telah terpilih sebagai Jawatankuasa Pengelola. Karnival ini telah diadakan dengan jayanya dengan semangat kerjasama oleh semua pihak.
  - (b) Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran pada 10 Jun 2014 yang diadakan di Masjid Ar Rasidin Alor Gajah Melaka.
  - (c) Sambutan Hari Denggi ASEAN Peringkat Kebangsaan sempena Festival Antarabangsa Sungai Melaka telah berjaya diadakan pada 15 Jun 2014.
  - d) Program Safe Food Expo 2014 telah berjaya diadakan pada 13-14 September 2014 di MITC, Ayer Keroh , Melaka yang julung kali diadakan di Malaysia.
  - e) Majlis Sambutan Hari Penglihatan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2014 telah diadakan pada 9 Oktober 2014 di Dewan Tun Ali dengan tema “Cegah Kebutaan Yang Boleh Dielak” yang telah disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob, Yang Dipertua Negeri Melaka

- (f) *Melaka Oral Health Research Day* telah diadakan pada 17 November 2014 dengan tema '*client –centred research for oral health*'. Program ini diadakan bertujuan untuk menggalakkan personel pergigian menjalankan kajian dan seterusnya membentangkan kajian diperingkat kebangsaan dan antarabangsa.
  - g) Majlis Perasmian Klinik Kesihatan Seri Tanjung yang dahulunya dikenali sebagai Klinik Kesihatan Tg.Kling, Melaka yang disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang Di-Pertua Negeri Melaka pada 15 Disember 2014 (Isnin).
  - h) Sambutan Hari Inovasi yang telah diadakan pada 23 Disember 2014 yang bertujuan untuk mengiktiraf hasil kerja inovasi oleh warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka yang sememangnya mempunyai bakat yang terpendam dan kreatif
6. Penganjuran pelbagai aktiviti sepanjang tahun 2014 membuktikan bahawa Jabatan kita sentiasa komited dan berusaha untuk memastikan perkhidmatan kita bersama rakyat sentiasa di didahulukan disamping memberikan pengiktirafan kepada warga kerja kita sendiri. Penganjuran pelbagai aktiviti juga memberikan makna bahawa pihak Kementerian percaya dengan kebolehan kita untuk menggalas dan menyempurnakan tanggungjawab tersebut dan kita mampu melaksanakan program-program tersebut dengan jayanya dengan kerjasama semua pihak.

7. Dalam tahun 2014 juga, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka turut menerima beberapa pengiktirafan di peringkat Kementerian dan Kerajaan Negeri seperti Penarafan 5 Bintang kepada Portal Jabatan Kesihatan Negeri, salah seorang pegawai kita turut diberi pengiktirafan untuk menerima Anugerah Media Kesihatan 2014 bagi Akaun Media Sosial Popular melalui laman sosial yang diwujudkan yang dinamakan sebagai INFOSIHAT2U. di mana pelbagai informasi kesihatan yang berguna boleh didapati melalui akaun media sosial ini.

**YBhg.Datuk/Tuan-tuan/Puan-puan  
yang dihormati sekalian**

8. Dalam menongkah lembaran 2015 ini, saya ingin mengajak kalian semua untuk merenung sejenak kepada apa yang telah negara kita lalui di sepanjang tahun 2014 di antaranya ialah kita dikejutkan dengan kehilangan pesawat MH370, kes kematian MERS-CoV, kejadian pesawat MH17 terhempas, dan tidak ketinggalan pada penghujung Disember 2014 kita dikejutkan dengan Tragedi Banjir Besar yang melanda Pantai Timur di mana secara tidak langsung tragedi-tragedi tersebut turut membawa kepada penglibatan anggota kita untuk memberikan bantuan sukarelawan bagi membantu meringankan beban yang ditanggung oleh mangsa-mangsa. Pada masa yang sama juga kita dicabar pula dengan kejadian krisis kesihatan awam yang melanda beberapa negara Afrika iaitu wabak Ebola Virus Disease (EVD). Wabak EVD yang berlaku di negara Afrika Barat merupakan wabak yang serius yang menyebabkan kadar kematian yang tinggi.

9. Oleh itu pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan di JKN Melaka atas segala khidmat bakti, komitmen padu dan sumbangan yang diberikan dalam memastikan setiap program dan aktiviti yang telah dirancang dilaksanakan dengan sempurna dan jayanya termasuk penghargaan kepada team CPRC Jabatan yang turut sama terlibat dalam misi Team Petugas Banjir di Pantai Timur yang mana kita sedia maklum ketahui bahawa sehingga kini masih ada lagi sebahagian daripada anggota kita yang masih bertugas di negeri dilanda banjir tersebut. Pengorbanan dan kesediaan anggota terlibat bertugas dengan melalui keadaan sukar seperti masalah komunikasi serta kekurangan bekalan air bersih serta elektrik, adalah wajar dicontohi oleh warga JKNM di mana pengorbanan mereka juga turut mendedahkan mereka kepada risiko penyakit berjangkit seperti *leptospirosis* dan *melioidosis*. Semoga pengorbanan mereka mendapat rahmat dan ganjaran yang besar daripada Allah S.W.T

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

10. Melalui perutusan sempena Amanat Tahun Baru 2015 oleh Menteri Kesihatan Malaysia, YB Datuk Seri Dr. S.Subramaniam yang telah diadakan pada 22 Januari yang lalu, YBMK ada menyatakan beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian oleh semua penjawat awam KKM, di mana dalam meneruskan kecemerlangan pada tahun 2015 ini kita hendaklah sentiasa berpaksikan kepada 3 nilai teras Budaya Korporat KKM iaitu Penyayang, Profesionalisme dan Kerja Berpasukan. Bekerjalah sebagai satu pasukan, dan janganlah kita bekerja dalam keadaan *silo* kerana sikap ini tidak akan

dapat membantu dalam mencapai agenda utama sesebuah jabatan. Azam yang paling penting ialah setiap anggota, tanpa mengira kedudukan, sama ada dari kumpulan pengurusan atasan, kumpulan pertengahan atau staf pelaksana mesti mempunyai nilai keempunyaan atau *ownership*. Keempunyaan bermakna kita memiliki organisasi ini dan setiap pegawai dan staf pelaksana mempunyai saham dalam syarikat yang dinamakan Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Oleh itu, kita bertanggungjawab memastikan visi dan misi yang ditetapkan oleh Jabatan dapat dicapai.

### **Warga JKN yang dikasihi sekalian,**

11. Dalam memastikan kelestarian sistem kesihatan negara ini, Kementerian kita sentiasa komited dalam menyampaikan perkhidmatan kesihatan sejagat demi kebaikan rakyat. Oleh itu, pelan transformasi sistem kesihatan yang lebih jitu akan dibangunkan, merangkumi aspek transformasi sistem penyampaian kesihatan. Justeru, bagi memastikan transformasi ini dapat dilaksanakan dengan jaya, semua warga KKM termasuk warga JKN Melaka hendaklah bekerjasama dengan melipat gandakan usaha kita pada tahun ini.

### **Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

12. Penyediaan RMKe-11 bagi tahun 2016 - 2020 sedang giat dirangka dengan melibatkan semua pihak yang berkepentingan termasuk agensi kerajaan dan swasta. Penyediaan rangka RMKe-11 ini melibatkan 6 teras utama iaitu:

- (a) **Teras 1**: Memperkukuh Pembangunan Inklusif (*Enhancing Inclusivity*);

- (b) **Teras 2:** Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat (*Improving Well Being*);
- (c) **Teras 3:** Memanfaat Bakat (*Harnessing Talent*),
- (d) **Teras 4:** Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi (*Re-engineering Economic Growth*);
- (e) **Teras 5:** Memperkasa Pemacu Pertumbuhan (*Strengthening Growth Enablers*); dan
- (f) **Teras 6:** Mengarusperdana Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar (*Mainstreaming Environment and Resources Management*).

13. Tiga (3) *outcome* utama sektor kesihatan telah digariskan berdasarkan Teras ke 2 RMKe-11 iaitu *Quality, responsive and sustainable healthcare system; Reduction on disease burden and risk factors*; dan *Healthy environment and food safety*. Seterusnya, bagi memastikan *outcome* ini dapat dicapai, 8 bidang fokus telah dikenalpasti iaitu:

- (i) *Strengthening Primary Healthcare*
- (ii) *Health System Delivery and Work Process Re-engineering*
- (iii) *Human Resource and Organisational Capacity Development*
- (iv) *Infrastructure Planning and Development*
- (v) *ICT Transformation for Health*
- (vi) *Public-Private/Inter-agency Collaboration*
- (vii) *Enhancing Healthcare Financing Mechanism*



(viii) *Creating a Conducive Health Ecosystem which will support healthy lifestyle and disease prevention.*

14. Pelbagai aktiviti dan program sedang dirancang bagi menyokong bidang fokus ini. Oleh itu, Kementerian kita akan berusaha untuk memastikan keperluan modal insan dapat dipenuhi serta berdaya saing di samping mengekalkan tenaga kerja yang baik melalui pembangunan Pelan Induk Sumber Manusia untuk Kesihatan sehingga 2030 yang merangkumi hala tuju dasar serta unjuran keperluan sumber manusia. Adalah penting untuk mempunyai bekalan modal insan yang mencukupi dan berkualiti kerana mereka merupakan pemangkin kepada kesejahteraan hidup rakyat.

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

15. Dalam usaha mendidik masyarakat supaya lebih bertanggung jawab dalam pemilihan ubat bagi rawatan sendiri, Program Duta Kenali Ubat Anda yang menggunakan konsep *community empowerment* telah diperkenalkan pada 11 Mei 2012. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam menjaga kepentingan dan kesejahteraan masyarakat. Tujuan program ini diperkenalkan adalah bagi memperkasakan wakil masyarakat yang berpengaruh seperti penghulu, ketua kampung, wakil kesatuan penduduk, ahli persatuan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan lain-lain dalam usaha menyampaikan maklumat asas berkaitan ubat-ubatan. Sehingga kini, jumlah Duta Kenali Ubat Anda yang telah dilatih dari tahun 2012 sehingga 2014 adalah seramai 378 orang yang melibatkan sebanyak 301 aktiviti. Manakala bagi pesakit yang mendapat rawatan dari *healthcare provider*, terutama pesakit kronik, program ini mensasarkan peningkatan kepatuhan pesakit terhadap ubat-ubatan

agar komplikasi penyakit dielakkan dan seterusnya kualiti kesihatan masyarakat dapat ditingkatkan.

16. Manakala, di peringkat Jabatan kita juga pelbagai aktiviti dan promosi berkaitan ubat turut dijalankan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan seperti Promosi Dondang Ubat Selamat melalui aktiviti pengguna dan kerjasama agensi luar seperti Radio Melaka FM, Bahagian Promosi Pelancongan, Perbadanan Sungai Melaka dan Menara Taming Sari.
17. Pada tahun ini juga , *National Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) peringkat Kementerian akan dimantapkan dengan pelaksanaan Pelan Pengurusan Bencana yang melibatkan pelbagai jenis bencana termasuk semua jenis wabak penyakit atau pandemik penyakit berjangkit. Oleh yang demikian , CPRC peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Melaka juga perlu mengekalkan dan memantapkan lagi pelaksanaan pelan bencana yang disediakan sebagai persediaan kepada pelbagai cabaran yang akan ditempuhi sekiranya terdapat bencana berlaku selaras dengan keperluan dan pelaksanaan di peringkat Kementerian bagi memastikan Jabatan kita tidak ketinggalan di belakang. Ekspektasi rakyat terhadap perkhidmatan KKM semakin tinggi dan pastinya cabaran yang bakal dihadapi juga semakin bertambah. Dengan itu, suka saya ingatkan di sini sesungguhnya segala cabaran dan dugaan yang bakal kita hadapi nanti bukanlah satu halangan untuk kita terus maju dan mengecapi kejayaan yang lebih baik daripada tahun sebelumnya
18. Kementerian kita turut tidak melupakan bidang kejururawatan di mana Program Pementoran Kejururawatan dicadangkan untuk dimasukkan kira

dalam Penilaian Penerapan Bintang (*Star Rating*) Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2016. Program ini telah diperkenalkan pada tahun 2006 yang bertujuan untuk memastikan jururawat yang baru dilantik adalah kompeten dan berkemahiran, dapat memberikan perkhidmatan yang berkualiti serta perawatan kejururawatan yang selamat kepada pesakit. Selain itu, inisiatif untuk mewujudkan *Good Hospital Practice* telah diambil melalui kerjasama dengan Ketua Penyelia Jururawat Negeri. Inisiatif ini adalah bertujuan meningkatkan kualiti penjagaan pesakit, meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pesakit, mewujudkan suasana kerja berpasukan yang lebih efektif dan efisien, dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Hospital yang terpilih akan dijadikan sebagai *Role Model Hospital* dalam pemberian perkhidmatan dan perawatan kejururawatan terbaik. Oleh yang demikian pihak yang terlibat, perlu bersedia bagi mencapai target SSR yang telah ditetapkan.

### **Tuan-tuan,puan-puan yang dikasihi sekalian,**

19. Untuk makluman semua, Sistem Pengurusan Aduan KKM telah dimantapkan pada tahun 2014 dengan pelaksanaan sistem aduan baru yang dinamakan Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (i-SPAAA). Sistem ini dilaksanakan serentak di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu termasuk di peringkat JKN, Institusi KKM, Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) dan Pejabat Pergigian Daerah. Penggunaan sistem ini memudahkan kita memantau semua maklum balas dan aduan yang diterima daripada pelbagai saluran di peringkat Kementerian. Penggunaan sistem ini telah mencapai 100% aplikasi oleh seluruh PTJ di Jabatan Kesihatan Negeri Melaka. Secara kumulatifnya sebanyak 55 % aduan telah dapat diselesaikan

mengikut masa yang telah ditetapkan bagi kes-kes aduan yang bukan kategori kompleks.

20. Oleh itu, bagi memastikan instrumen pengurusan aduan di peringkat JKN Melaka lebih berkesan dan komprehensif, tugas-tugas Penyelaras Aduan di peringkat JKN dan Hospital Negeri haruslah dilihat semula dan memastikan SOP dipatuhi bagi memastikan semua Penyelaras Aduan melaksanakan peranan yang lebih jelas dan berkesan melalui pemeraksanaan pengurusan aduan. Dalam hal ini, penglibatan semua pihak dalam membantu menyelesaikan aduan yang diterima dan mengurangkan kadar peratusan aduan adalah penting bagi memastikan ekspektasi rakyat terhadap perkhidmatan kita adalah berada di tahap yang baik dan memuaskan.
21. Saya percaya, sekiranya semua pegawai dan kakitangan terutama sekali kumpulan *frontliners* mempunyai fikiran yang positif dan terbuka, bertanggungjawab, mesra pelanggan, memaparkan sikap sentiasa ingin membantu dan mempunyai kemahiran berkomunikasi yang tinggi, ianya akan dapat membantu mewujudkan perkhidmatan yang cemerlang, gemilang dan terbilang dan dapat mengurangkan peratusan aduan yang diterima oleh Jabatan . Amalan dan perlakuan sebeginilah yang akan dapat membantu meningkatkan imej sesebuah jabatan di samping dapat mengurangkan aduan. Sekaligus, ianya dapat memberi kepuasan kepada pelanggan dengan perkhidmatan yang diberikan.
22. Saya merasa amat bersyukur kerana mempunyai barisan pegawai dan anggota yang berwibawa, dedikasi dan berwawasan yang sanggup jatuh dan bangun bersama bagi memastikan Jabatan Kesihatan

Negeri Melaka terus relevan dan dipandang tinggi oleh masyarakat. Sesungguhnya, kejayaan ini tidak akan mampu diraih sendiri tanpa sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Kita sentiasa bekerja dalam satu pasukan seperti “*bagai aur dengan tebing*” dan tidak akan sama sekali seperti “*bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing*”.

23. Dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas seharian kita, kepentingan diri sendiri perlu diketepikan demi menjulang kepentingan negara dengan penuh amanah dan berintegriti. Integriti yang saya maksudkan ini bukan sekadar tertumpu kepada menghindari daripada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan wang ringgit, bahkan ia seharusnya diterjemahkan dalam skop yang lebih besar. Ini merangkumi integriti dalam pengurusan masa, integriti dalam pentadbiran, integriti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, integriti dalam komunikasi dan sebagainya.
  
24. Sesungguhnya, saya percaya bahawa sekiranya seluruh warga JKNM memiliki sahsiah dan integriti yang utuh, imej dan kualiti JKNM akan dapat ditingkatkan sekali gus mendapatkan keyakinan dan kebolehpercayaan *Stakeholders* dan orang awam ke atas perkhidmatan yang kita diberikan Tanpa integriti, semua yang kita lakukan tidak lagi bermakna dan akan dipandang negatif oleh masyarakat. Justeru, seluruh ketua-ketua PTJ, hendaklah menjadikan pembudayaan integriti di kalangan warga masing -masing sebagai agenda utama dalam usaha memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan masing –masing.

## **Hadirin yang dikasihi sekalian,**

25. Y.Bhg Tan Sri Ketua Setiausaha Negara sering kali dalam ucapan beliau menekankan konsep “Merakyatkan Perkhidmatan Awam” dalam penyampaian perkhidmatan. Antara prinsip yang menjadi asas kepada konsep ini adalah pelaksanaan program ‘turun padang’ yang bermakna sentiasa pasang telinga dan buka mata seluas -luasnya untuk mendengar dan melihat sendiri keperluan dan ekspektasi pelanggan. Kita perlu sedar bahawa senario dan landskap perkhidmatan awam dulu dan kini adalah berbeza sama sekali di mana kini kita berhadapan dengan rakyat yang lebih berpengetahuan, lebih vokal dan berani untuk menyuarakan pandangan mereka secara terbuka. Selain itu, kehadiran media sosial juga membolehkan penyaluran dan penerimaan maklumat dengan lebih pantas tanpa dibatasi dengan keperluan mensahihkan maklumat- maklumat terbabit. Berdasarkan cabaran -cabaran yang dihadapi oleh kita semua khususnya ketua -ketua PTJ seharusnya membudayakan program ‘turun padang’ bagi mengelakkan berlakunya cetusan isu oleh mana -mana pihak di kemudian hari.
  
26. Pembudayaan program ‘turun padang’ ini juga bukan sahaja terhad kepada memahami dan menyelami apa yang berlaku di peringkat pelanggan kita, malahan ia juga perlu merangkumi warga kerja di peringkat fasiliti terkecil. Ini bertujuan untuk membentuk keharmonian hubungan dan merapatkan jurang di antara Ketua PTJ dan pekerja khususnya di peringkat lapangan dan akar umbi. Melalui program ‘turun padang’, Ketua - ketua PTJ dapat berinteraksi dengan anak-anak buah masing -masing serta merasai sendiri pengalaman dan permasalahan yang dilalui oleh anak buah mereka. Secara tidak

langsung, ia memberi gambaran bahawa keluhan dan kebajikan mereka sentiasa didengari oleh Ketua Jabatan.

27. Ingin saya tegaskan bahawa kecemerlangan atau kejayaan itu bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai tanpa perjuangan gigih serta pengorbanan. Saya percaya setiap di antara kita pasti ingin mencipta kecemerlangan dalam kerjaya, namun tidak semua di antara kita yang sanggup menyingsing lengan menongkah arus cabaran yang mendatang. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar kita semua meningkatkan lagi penguasaan ilmu pengetahuan serta melengkapkan diri masing-masing dengan kemahiran dan kompetensi yang diperlukan agar kita dapat berperanan sebagai *change agent* atau pemacu perubahan yang utama. Justeru itu, sudah sampai masanya untuk kita mengorak langkah dan terus maju serta berani untuk melakukan transformasi dalam penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada semua.

## **PENUTUP**

Hadirin yang dikasihi sekalian,

28. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya berharap agar semua warga Jabatan Kesihatan Negeri Melaka ini dapat bersama-sama menanam azam dan komitmen sempena tahun baharu ini untuk menjayakan dan melaksanakan agenda transformasi yang dihasratkan. Walaupun pelbagai cabaran dan rintangan yang bakal kita hadapi, kita perlu kekal utuh bersatu dan bekerja sebagai pasukan dan bangga untuk berkhidmat untuk Negara. Semoga apa yang kita lakukan dengan keikhlasan akan mendapat keberkatan

daripada Allah S.W.T. dan membuahkan hasil yang dapat memberi manfaat kepada kepada semua

29. Saya akhiri ucapan saya dengan lafaz Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

Sekian, terima kasih.